



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 4/1971

*Pemberian Milik Tanah Kerajaan Kepada
Kakitangan Kerajaan*

(Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19/70)

Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan Pendaftar-pendaftar Hakmilik Tanah adalah diminta merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19/1970 bertarikh 28hb. September, 1970 yang menyatakan iaitu tanah-tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Pegawai-pegawai Kerajaan secara 'direct alienation' hendaklah dikenakan sekatan hakmilik (restriction in interest) untuk mengelakkan sebarang ramalan.

2. Untuk memenuhi maksud ini, sekatan hakmilik (restriction in interest) seperti berikut hendaklah dikenakan dan diperakukan pada masa meluluskan atau memperakukan kelulusan permintaan tanah:

“ Tanah ini tidak boleh pindahmilik kecuali dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian Negeri selagi pemilik ini berkhidmat dengan kerajaan.”

Tujuan mencatatkan *dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian Negeri* ialah supaya tuan tanah itu boleh meminta kebenaran sahaja tetapi tidak dengan cara permintaan membatalkan sekatan di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara.

3. Jika tuan tanah bercadang hendak memindahmilik tanahnya kepada orang lain, ia mahulah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia atau Setiausaha Kerajaan sekiranya ia masih berkhidmat lagi dengan Kerajaan. Dengan adanya kebenaran tersebut bolehlah ia mengemukakan permintaannya kepada Pengarah Tanah dan Galian. Keputusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri akan disertakan dengan surat pindahmilik, dengan ini Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar Hakmilik Tanah akan berkuasa mendaftarkan surat pindahmilik itu.

4. Jika sekatan hakmilik tersebut mustahak dibatalkan sama sekali tuan tanah mahulah juga mendapat kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia atau Setiausaha Kerajaan sekiranya ia masih berkhidmat lagi dengan Kerajaan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permintaannya kepada Pemungut Hasil Tanah menurut seksyen 124 Kanun Tanah Negara.

5. Seksyen 381(1) Kanun Tanah Negara membolehkan Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar Hakmilik Tanah memotong (membatalkan) sesuatu sekatan hakmilik yang tidak terpakai lagi (obsolete). Bersabit dengan sekatan yang tersebut di perenggan 2, Pemungut Hasil Tanah dan Pendaftar Hakmilik Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil tindakan setelah memperolehi pengakuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan menyatakan sekatan-sekatan yang tersebut tidaklah dikehendaki lagi.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*